



SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA

## **KENYATAAN MEDIA**

**BIL. 7 / 2020**

### **PENGGUNAAN KAMERA VIDEO DI SALURAN MENGUNDI PRK P.176 KIMANIS**

1. SPR akan memperkenalkan penggunaan kamera video di semua saluran mengundi pada hari mengundi PRK P.176 Kimanis sebagai salah satu usaha penambahbaikan untuk pilihan raya yang cekap dan telus.
2. Penggunaan kamera video ini adalah untuk rakaman keadaan dalam saluran dan memudahkan SPR untuk menyemak semula proses pengundian dilaksanakan mengikut prosedur yang ditetapkan. Ia dipasang di semua 68 saluran dan akan dikendalikan oleh pegawai SPR. Rakaman tersebut juga akan digunakan sebagai pemantauan kualiti dan rujukan untuk tujuan latihan dan penambahbaikan proses pilihan raya akan datang.
3. SPR ingin memaklumkan bahawa dengan penggunaan kamera video di semua saluran, ia tidak akan sama sekali menjejaskan kerahsiaan pengundian memandangkan kamera ini dipasang jauh dari petak undi dan kehadiran ejen calon di tempat mengundi adalah dikekalkan.

Sekian.

**DATUK AZHAR AZIZAN HARUN**

Pengerusi

Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) Malaysia

Tarikh : 14 Januari 2020 / 18 Jamadilawal 1441H